

SIARAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA

27 OGOS 2020

UEM Edgenta Jalin Usaha Sama dengan Majlis Perbandaran Taiping dalam Program Perintis Penurapan Lestari

TAIPING, 27 Ogos - Dua anak syarikat UEM Edgenta Berhad ("UEM Edgenta" atau "Syarikat") yang beroperasi dalam sektor perkhidmatan infrastruktur, iaitu Opus International (M) Berhad ("Opus Consultants") dan Edgenta Propel Berhad ("Edgenta Propel"), telah menjalinkan usaha sama dengan Majlis Perbandaran Taiping ("MPT") dalam program perintis untuk menerapkan kaedah 100% *Reclaimed Asphalt Pavement* ("RAP") di Jalan Taming Sari, berdekatan dengan Muzium Perak di Taiping.

Usaha ini selaras dengan matlamat Syarikat dan MPT untuk menerapkan penyelesaian turapan yang selamat, mesra alam dengan kos yang efektif, yang mana program percubaan selama setahun ini akan menggunakan kaedah global yang terbaik dalam kerja-kerja membaik pulih dengan memanfaatkan teknologi *Cold Central Plant Recycle* ("CCPR"). Teknologi CCPR adalah kaedah untuk mengintegrasikan turapan yang telah dibuang, yang dipanggil sebagai RAP, atau biasanya lebih dikenali sebagai 'bahan turapan aspal lama' diambil dari jalan atau tempat letak kereta melalui pemuliharaan yang teliti, dan mengubahsuai campuran turapan kepada CCPR baharu. Teknik ini adalah lebih selamat untuk dilaksanakan, mampu mengurangkan kesan tapak pelupusan, menjimatkan tenaga, meningkatkan "zero emission" dan menambahbaik sifat fizikal bahagian turapan yang sedia ada.

"Menggunakan konsentration RAP yang tinggi dalam campuran turapan adalah satu cabaran yang sukar. Oleh itu, kami telah memilih untuk menggunakan teknologi CCPR dan bekerjasama dengan Kamunting Premix Plant Sdn. Bhd. ("KPP") untuk mendapatkan sumber bahan tempatan demi melengkapkan matlamat kami dalam menyokong usaha MPT meningkatkan kelestarian," kata Ir. Dr. Tony Chan, Ketua Pegawai Operasi Opus Consultants semasa lawatan tapak pembinaan bersama YDP MPT, Khairul Amir bin Mohamad Zubir.

Program perintis ini selaras dengan inisiatif pengembangan dan pemuliharaan alam sekitar yang dilaksanakan oleh MPT, yang mana Taiping telah diiktiraf sebagai salah sebuah bandar terbaik dunia pada '2019 Sustainable Top 100 Destination Awards' di International Tourismus-Börse ("ITB") di Berlin, Jerman.

Sepanjang tempoh percubaan, pihak Opus Consultants akan mereka, mengawasi dan melakukan penilaian pemantauan turapan untuk mengesahkan prestasi turapan terbaharu, manakala Edgenta Propel akan memantau pembinaan dan pengurusan lalu lintas untuk kerja-kerja yang akan dilakukan. Pihak KPP pula akan menjalankan penggantian turapan sedia ada dengan bahan kitar semula dan bertanggungjawab atas kualiti turapan.

Tapak yang dipilih untuk tempoh percubaan ini membenarkan Opus Consultants meletakkan bahan konvensional lain di kawasan sekitar, yang memberi peluang untuk Opus Consultants menilai perbandingan campuran fizikal di lokasi, serta memantau prestasi turapan untuk mempromosikan produk ini ke seluruh bandar jika terbukti berjaya.

-Tamat Siaran Media-

Mengenai UEM Edgenta Berhad

UEM Edgenta (www.uemedgenta.com) adalah syarikat Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur terkemuka di rantau ini dan anak syarikat UEM Group. Disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad (KLSE: EDGENTA), kepakaran kami meliputi bahagian Healthcare Support dan Property & Facility Solutions, serta Infrastructure Services yang merangkumi penyelesaian untuk lebuhraya dan rel, termasuk pengurusan projek & perkhidmatan kejuruteraan menerusi OPUS Consultants.

Perkhidmatan menyeluruh UEM Edgenta merangkumi sepanjang kitaran hayat aset termasuk perundingan, perolehan dan perancangan pembinaan, operasi dan penyelenggaraan serta pengoptimuman, pemulihan dan naik taraf. UEM Edgenta beroperasi merentasi Malaysia, Singapura, Indonesia, Taiwan, India dan Emiriah Arab Bersatu.

Dikeluarkan oleh UEM Edgenta Berhad pada tarikh seperti yang disenaraikan di atas. Sila hubungi Juliana Jamaluddin (juliana_jamaluddin@edgenta.com / 012 340 9438) jika anda mempunyai sebarang pertanyaan berkaitan.